

PROMOSI DEPOSIT TETAP/DEPOSIT TETAP-i 'STEP UP' 6 BULAN

Dikemaskini pada 24 Februari 2022

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap/Deposit Tetap-i ‘Step Up’ 6 Bulan” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 01 Mac 2022 dan berakhir pada 31 Mac 2022, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausa 12** di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu (“**Tempoh Promosi**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah (“**T&S**”):

KELAYAKAN

- Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan Bank yang baharu dan sedia ada yang merupakan individu dan bukan individu, warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (“**Pelanggan**”).
- Untuk tujuan Promosi ini:
 - Pelanggan baharu bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi;
 - Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi; dan
 - Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, **tidak termasuk syarikat dan badan korporat**.
- Akaun Sertaaan Deposit Tetap/Deposit Tetap-i (“**FD/FD-i**”)(“**Akaun FD/FD-i Sertaaan**”) untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
 - FD Konvensional;
 - FD Senior Savers Flexi;
 - FD Junior;
 - FD Priority Banking Premium;
 - Deposit Tetap-i (“**FD-i**”); dan
 - Deposit Tetap Junior-i (“**JFD-i**”);
- Promosi ini sah bagi Dana Baharu sahaja. “**Dana Baharu**” ditakrifkan sebagai:
 - Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“**FPX**”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD/FD-i Sertaaan, sebarang Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”) yang baharu dan sedia ada dimiliki oleh Pelanggan; dan
 - Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan.
- Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “**Dana Baharu**”:
 - FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i dari mana-mana akaun FD/FD-i yang sedia ada;
 - Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i atau Akaun Pelaburan Am (“**GIA**”)); dan
 - Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
- Untuk tujuan Promosi ini, Dana Baharu mesti diletakkan dan didepositkan ke dalam Akaun FD/FD-i Sertaaan Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari ketersediaan Dana Baharu.

7. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis/bankrap atau bakal dikenakan prosiding insolvensi/kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana T&S yang terkandung didalam T&S Umum Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam, T&S Hong Leong Connect **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
8. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi
9. Promosi ini **TIDAK** disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

10. Untuk menikmati Kadar Promosi FD/FD-i yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah, Pelanggan perlu membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan Minimum dan Amaun Peletakan Maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah dalam Akaun FD/FD-i Sertaan (“**Amaun Peletakan FD/FD-i**”) bagi tempoh FD/FD-i yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah semasa Tempoh Promosi. Deposit tersebut.

Jadual 1

Akaun FD/FD-i Sertaan	Kadar ¹ 6-Bulan FD/FD-i ‘Step Up’ Mengikut Bulan (Tempoh FD/FD-i)			Kadar Efektif	Amaun Peletakan Minimum	Amaun Peletakan Maksimum
	Bulan 1 - 2	Bulan 3 - 4	Bulan 5 - 6			
<ul style="list-style-type: none"> • FD Konvensional • FD Senior Savers Flexi • FD Junior • FD Priority Banking Premium • Deposit Tetap-i, FD-i • JFD-i 	2.00% setahun	2.30% setahun	2.90% setahun	2.40% p.a.	RM10,000	RM10,000,000

¹ Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), Kadar Promosi FD/FD-i ‘Step Up’ 6-bulan akan disemak.

11. Untuk tujuan promosi ini, pelanggan yang menepati semua syarat kelayakan di atas dan kriteria dalam Klausa 10 akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”.
12. Jumlah saiz dana untuk Akaun FD/FD-i Sertaan masing-masing adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah (“**Had Saiz Dana**”).

Jadual 2

Akaun FD/FD-i Sertaan	Had Saiz Dana
FD Konvensional	RM320 Juta
FD Senior Savers Flexi	
FD Junior	
FD Priority Banking Premium	
Deposit Tetap-i, FD-i	RM80 Juta
JFD-i	

13. Jika Amaun Peletakan FD/FD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing dicapai, Amaun Peletakan FD/FD-i yang melebihi Amaun Peletakan FD/FD-i Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD/FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.

14. Tiada Resit FD/FD-i akan dikeluarkan untuk setiap peletakan FD / FD-i.
15. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang dikekalkan dengan Bank di bawah nama dan syarat tandatangan yang sama dengan Akaun FD/FD-i Sertaan ("**CASA/CASA-i Namaan**") bagi tujuan mengkreditkan faedah/keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Pelanggan Layak yang tidak mempunyai sebarang CASA/CASA-i sebelum Tempoh Promosi adalah dikehendaki untuk membuka akaun bersama dengan Akaun FD/FD-i Sertaan untuk tujuan ini.
16. Kadar faedah/keuntungan yang diperolehi daripada Akaun FD/FD-i Sertaan akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
17. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD/FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD/FD-i masing-masing dan kadar faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
18. Jika Amaun Peletakan FD/FD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang bagi FD/FD-i, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah/keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang FD/FD-i, tanpa mengira bilangan bulan yang lengkap pada masa pengeluaran sebelum tarikh matang. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, faedah/keuntungan akan dikira dari baki Amaun Pokok setelah pengeluaran dibuat.
19. Tertakluk kepada Klausula 18 di dalam ini, bagi FD Konvensional, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika, baki dalam FD Konvensional kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan FD mengikut Klausula 18.
20. Tertakluk kepada Klausula 18 di dalam ini, bagi FD-i & JFD-i, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam FD-i/JFD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan FD-i/JFD-i mengikut Klausula 18.
21. Tertakluk kepada Klausula 18 di dalam ini, bagi FD Priority Banking Premium dan FD Senior Savers Flexi, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** sahaja. Jika, baki dalam FD Priority Banking Premium dan/atau FD Senior Savers Flexi kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan Amaun Peletakan FD mengikut Klausula 18.
22. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun Peletakan FD/FD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok FD/FD-i pada masa pengeluaran.
23. Pelanggan dengan produk FD-i bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang.
24. Amaun Peletakan FD/FD-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak kecuali Amaun Peletakan FD Konvensional, FD Senior Saver Flexi dan FD Priority Banking Premium digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit konvensional (iaitu Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB) dengan Bank. Untuk maklumat lebih lanjut, Pelanggan Layak perlu merujuk kepada halaman produk Kad Kredit dengan Deposit Tetap.

UMUM

25. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:

- (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Promosi dan T&S Umum Akaun bagi Deposits dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD/FD-i Sertaan dan CASA/CASA-i Sertaan;
- (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah tepat dan muktamad;
- (iii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan. Tiada sebarang rayuan atau surat menyurat akan dilayan;
- (iv) mengakses Laman Sesawang HLB www.hlb.com.my/laman sesawang HLISB www.hlisb.com.my (secara kolektif dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak T&S dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
- (v) faedah/keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
- (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

26. Bank berhak:

- (i) dengan notis awal kepada pelanggan, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
- (ii) membatalkan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S Promosi dan T&S Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD/FD-i Sertaan.
- (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran Kempen T&S dikesan.

27. T&S di dalam ini, T&S Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD/FD-i Sertaan, dan T&S Deposit Tetap-i Hong Leong hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&S di dalam ini dengan T&S Umum Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam bagi Akaun FD/FD-i Sertaan, dan T&S Deposit Tetap-i Hong Leong, maka T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

28. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.

29. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.

30. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan T&S, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mail kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.